

Malaysia kekalkan momentum

KDNK suku kedua negara lebih tinggi dari AS, Singapura dan negara serantau

Malaysia kekalkan momentum

Oleh NUR NAZLINA NAZARI
nuzn@utusanmalaysia.com.my

PETALING JAYA: Ekonomi negara terus mengekalkan momentum pertumbuhan apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua mencapai 8.9 peratus, lebih tinggi daripada beberapa negara membangun dan serantau yang lain.

Malaysia mengatasi China yang mencapai pertumbuhan sebanyak 0.4 peratus, Amerika Syarikat (0.6 peratus), Kesatuan Eropah (4.0 peratus), Korea Selatan (2.9 peratus), Singapura (4.4 peratus), Indonesia (5.4 peratus) dan Filipina (7.4 peratus) pada suku yang sama.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk

Seri Zafrul Abdul Aziz berkata, perkembangan tersebut menjadikan kerajaan optimis dapat mencapai sasaran KDNK sebanyak 5.3 peratus hingga 6.3 peratus bagi keseluruhan tahun.

"Perkembangan yang membolehkan beberapa perkara termasuk dasar fiskal yang berkembang melalui Bajet 2022, limpahan positif daripada bantuan dan pakej rangsangan ekonomi dan Bajet 2021, serta dasar monetari yang kekal akomodatif.

"Ditambah dengan pembukaan semula sepenuhnya ekonomi dan sempadan antarabangsa telah mendorong kepada pertumbuhan 18.3 peratus dalam penggunaan swasta

berbanding 5.5 peratus pada suku pertama.

"Pertumbuhan pada suku ini turut disokong oleh pemulihan berterusan pasaran baruah dan peningkatan permintaan dalam dan luar negara khususnya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, beliau berkata, pertumbuhan ekonomi pada suku ketiga dijangka kekal kukuh, dipacu prestasi yang membolehkan dalam perdagangan antarabangsa dan pelancongan.

Bagaimanapun, Zafrul memberitahu, kerajaan tetap berhati-hati untuk separuh kedua 2022 kerana prospek ekonomi masih tertakluk kepada risiko pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi global.

Menurutnya, perkara tersebut disebabkan oleh terutamanya oleh konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan, serta gelombang ekonomi China berikutan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan Covid-19 yang ketat.

"Kementerian kini sedang menyediakan Bajet 2023 melalui perundingan dan perbin-

cangan dengan pelbagai sektor ekonomi dan kerajaan negeri bagi memastikan bajet tersebut memberi manfaat kepada seluruh Keluarga Malaysia.

"Antara keutamaan termasuk pengurusan subsidi yang lebih mampan, pembaharuan ekonomi dan pengukuhan daya tahan negara terhadap kejutan masa depan. Berikutan cabaran semasa ketidakpastian geopolitik dan perubahan iklim, inisiatif yang berkaitan dengan kemasihan juga akan dipertimbangkan secara lebih meluas.

Seiring dengan momentum pemulihan ekonomi pasca Covid-19, Bajet 2023 akan terus mengutamakan kebajikan rakyat, khususnya dari segi peningkatan pendapatan dan perlindungan sosial," ujarnya.